

## Answer

1) (a) -Kewujudan dua bentuk ekonomi secara serentak

-Kewujudan ekonomi sara diri dan ekonomi dagangan  
(Halaman 247, Tingkatan 4)

(b) -Lebihan pengeluaran untuk tujuan pemasaran

-Pengeluaran dalam skala yang besar  
-Menggunakan sumber tenaga buruh yang ramai

-Menggunakan modal yang besar  
-Menggunakan teknologi yang lebih tinggi  
-Pemasaran yang lebih luas  
-Pengurusan yang cekap  
-Pengkhususan pekerjaan  
(Halaman 246)

(c) -Mempunyai modal yang tinggi

-Mempunyai teknologi yang canggih  
-Mendapat konsesi tanah yang luas  
-Tempoh pajakan yang lama  
-Orang Melayu masih terikat dengan ekonomi pertanian sara diri  
(Halaman 247)

(d) -Memberi galakan/sokongan kepada pemodal asing

-Memberi kadar sewa tanah yang rendah  
-Menyediakan tarif cukai yang rendah  
-Mengecualikan cukai eksport selama 50 tahun  
-Pemberian 4% dividen kepada syarikat pengusaha getah  
-Membawa masuk buruh asing  
-Menyediakan kemudahan infrastruktur  
(Halaman 249)

(e) -Rancangan Sekatan Stevenson

-Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa

2) (a) -Mengeluarkan wang kertas bagi Negeri-Negeri selat di bawaah Ordinan XIII  
(Halaman 257)

(b) -Menyediakan kemudahan pinjaman

-Berorientasikan keuntungan dengan memperkenalkan kadar faedah yang tinggi  
(Halaman 256)

(c) -Menyalurkan dana dari luar negara dengan mudah

-Bertindak sebagai ejen pembayar kepada pengeksport/pengimport  
-Menyediakan kemudahan pinjaman untuk membantu perkembangan perdagangan  
(Halaman 256)

(d) -Melindungi barangan dagangan yang menggunakan sistem pengangkutan laut.

-Melindungi kapal perdagangan  
(Halaman 257)

(e) -Melaka menggunakan mata wang emas/perak/timah.

-Kelantan menggunakan dinar emas kijang  
-Terengganu menggunakan kupang emas/mata wang timah  
-Pahang menggunakan jongkong tampang  
-Johor menggunakan mata wang timah/mata wang emas kupang  
-Kaedah menggunakan mata wang timah/mata wang emas  
(Halaman 216, 255-256)

3) (a) -Aktiviti ekonomi yang tidak menghasilkan lebihan produk untuk tujuan pemasaran

-Aktiviti ekonomi yang diusahakan untuk memenuhi keperluan sendiri  
(Halaman 244-245, tingkatan 4)

(b) -Melombong

-Bercucuk tanam  
-Memungut hasil hutan  
-Menternak binatang  
-Menangkap ikan  
(Halaman 244)

(c) -Modal sedikit

-Teknologi rendah  
-Tenaga buruh terhad

## Answer

-Pasaran kecil  
-Sistem pengairan yang mudah  
(Halaman 244-245)

(d) -Menukar barangan  
-Kenduri-kendara  
-Pembayaran zakat  
-Sedekah  
-Hadiah  
-Disimpan untuk satu tempoh tertentu  
(Halaman 244)

(e) -Tenaga manusia  
-Tenaga binatang  
(Halaman 245-246)

4) (a) -Melindungi hak milik tanah orang Melayu/peribumi  
-Mengelakkan pemodal asing mencero bohi tanah milik orang Melayu/peribumi  
-Menyeragamkan perundangan dan peraturan tanah  
-Masyarakat Melayu/ peribumi tidak mempunyai rekod yang sempurna untuk membuktikan pemilikan tanah.  
-Memudahkan urusan pentadbiran tanah  
-Melindungi kepentingan ekonomi kerajaan penjajah  
(Halaman 259, Tingkatan 4)

(b) -Tanah lalang  
-Tanah peribumi  
-Tanah perlombongan  
(Halaman 259)

(c) -Urusan mengusahakan tanah perlu membuat permohonan di Pejabat Tanah Jajahan  
-Residen negeri berkuasa menentukan jumlah kawasan konsesi tanah  
-Pengumpulan hasil hutan perlu mendapat kebenaran daripada pejabat tanah  
-Pembesar Melayu tidak lagi berkuasa meluluskan permohonan berkaitan tanah  
-Perkembangan sistem ekonomi wang dalam kalangan masyarakat Melayu  
-Masyarakat Melayu bergantung pada orang

tengah untuk meminjam wang  
-Orang Melayu menjual tanah untuk menjelaskan hutang  
(Halaman 260)

(d) -Menyekat orang Melayu terlibat dalam tanaman komersial  
-Larangan menanam sebarang tanaman komersial di Tanah Simpanan Melayu  
-Kebanyakan Tanah Simpanan Melayu tidak subur  
-Kawasan Tanah Simpanan Melayu tidak sesuai untuk kegiatan ekonomi perladangan  
-Kebanyakan kawasan Tanah Simpanan Melayu tidak subur  
-Keluasan tanah subur di Tanah Simpanan Melayu  
(Halaman 260)

5) (a) Bijih timah-Kuala Lumpur, Taiping dan Seremban muncul kerana kegiatan perlombongan bijih timah.  
Kumpul-Bandar bandar ini berperanan sebagai tempat pengumpulan hasil-hasil lombong  
Pentadbiran-Bandar-bandar ini juga sebagai pusat pentadbiran  
Petroleum - Bandar Miri dibuka kerana kegiatan perlombongan petroleum  
Penduduk-Bandar-bandar muncul kerana pertambahan penduduk  
Pengangkutan - Perkembangan sistem pengangkutan (pembinaan jalan kereta api, jalan raya) mempengaruhi kewujudan bandar-bandar  
Pelabuhan-Pulau Pinang, Melaka dan Klang muncul sebagai pelabuhan  
Komersial-Johor Bahru, Kuching muncul kerana sebagai pusat pengumpulan dan pengeksport tanaman komersial seperti gambir dan lada hitam.  
Getah-Kemunculan bandar seperti kerana perkembangan perusahaan getah.  
(Halaman 263-264, Tingkatan 4)

(b) Menampung-Menampung keperluan sektor pertanian

## Answer

Kekayaan-Kekayaan sumber alam Tanah Melayu  
Peluang-Peluang pekerjaan meluas di Tanah Melayu  
Galakan-Galakan daripada kerajaan British  
Pembesar-Pembesar Melayu tidak menentang kemasukan tenaga buruh China dan India  
Tradisi-Wujud hubungan tradisi antara Tanah Melayu dengan negara India  
Stabil-Kestabilan politik di Tanah Melayu menjamin keselamatan nyawa  
Miskin-Kemiskinan hidup di negara asal  
(Halaman 252-255)

(c) Hospital-Membina hospital kerajaan seperti di Kuala Lumpur dan Taiping  
Perubatan-Menubuhkan pusat perubatan  
Kesihatan-Menubuhkan pusat kesihatan Swasta-Hospital swasta/Hospital Tung Shin dibina di Kuala Lumpur khusus untuk pekerja lombong bijih timah  
Institut-Menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan untuk mengkaji punca penyakit/langkah pencegahan  
*Sanitary Board-Sanitary Board* ditubuhkan untuk mengawasi kebersihan bandar Kuala Lumpur  
Jabatan-Jabatan Kesihatan ditubuhkan untuk mengawal aspek kesihatan  
(Halaman 269)

6) (a) Maksud istilah:

- (i) ekonomi tradisional - aktiviti ekonomi yang menghasilkan produk untuk kegunaan diri sendiri sahaja, tidak mempunyai lebih untuk tujuan pasaran
- (ii) ekonomi dagangan - aktiviti pertanian/perlombongan menghasilkan lebih untuk tujuan pemasaran

(b) Ciri-ciri ekonomi tradisional:

- pengeluaran dalam skala yang kecil
- melibatkan penggunaan teknologi yang mudah
- menggunakan modal yang kecil
- jumlah buruh yang terhad

(c) Perkembangan ekonomi dagangan:

- Sebelum kedatangan British
- pemasaran bijih timah ke China, India dan Jepun
  - dimiliki oleh golongan pembesar Melayu dan dilakukan oleh buruh tempatan
  - kaedah yang digunakan untuk melombong ialah mendulang
- Selepas kedatangan British
- memberi penekanan ekonomi berasaskan eksport/komersial
  - tanaman komersial (ubi kayu, tebu, lada hitam, gambir, tembakau dan kopi)
  - memperkenalkan tanaman getah secara besar-besaran
  - membawa masuk buruh dari China dan India
  - perlombongan (terutama bijih timah) diusahakan secara komersial - melibatkan pengusaha luar (China dan Eropah)

7) (a) Dasar British:

- memperkenalkan tanaman baru yang mendapat pasaran yang baik - kopi, getah dan tembakau
- mengkomersialkan tanaman tradisional - lada hitam dan gambir
- melancarkan undang-undang berhubung pemilikan tanah - melindungi orang Melayu daripada pencerobohan oleh pemodal dan pelabur asing

(b) Dasar British terhadap pekebun kecil:

- ingin mengekalkan masyarakat Melayu sebagai petani
- memperkenalkan Enakmen Tanah Padi - melarang tanaman getah di kawasan penanaman padi
- menaikkan premium bagi permohonan tanah baru bagi tujuan penanaman getah
- melarang pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah
- mengehadkan pengeluaran getah melalui Rancangan Sekatan Stevenson (1922)
- memberi kuota yang lebih kecil - Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa (1934)

## Answer

- menggalakkan pelaburan Eropah melalui skim perladangan dan meminggirkan golongan pekebun kecil
- tidak ada penawaran insentif kewangan atau bantuan teknikal

(c) Kesan daras British:

Pendidikan

- mengubah sistem pendidikan tradisional, mewujudkan sistem pendidikan vernakular
- menubuhkan Maktab Perguruan Sultan Idris (Tanjung Malim, Perak) untuk melatih guru sekolah Melayu
- Kolej Melayu Kuala Kangsar (1950) untuk golongan elit
- wujud sekolah-sekolah Melayu, Cina dan India secara berasingan

Pengangkutan

- pembinaan landasan kereta api dan jalan raya
- memudahkan perhubungan kawasan lombong dan ladang getah dengan pelabuhan
- melancarkan perhubungan antara negeri-negeri di Pantai Barat dengan Pantai Timur

8) (a)

Pembesar Melayu - memastikan hasil lobong dijual kepada mereka  
Penguasa dari China - mendapat keberanan daripada pembesar Melayu

(b) Tinggi-Permintaan yang tinggi pada peringkat antarabangsa  
Eropah-Penglibatan pemodal Eropah  
China-Penglibatan pengusaha dari China  
Teknologi-Penggunaan teknologi kapal korek  
Modal-Penggunaan modal secara intensif oleh pengusaha Eropah  
Enakmen-Enakmen dan undang-undang diluluskan bagi melindungi pengusaha dari China/pemodal Eropah  
(Halaman 250-252, Tingkatan 4)

(b) Sistem tiket kredit

Kheh-thau/ketua akan mengumpulkan bakal imigran ke Tanah Melayu dari kampung-kampung di negara China  
Bayar-Ketua dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran China yang dibawa  
Bakal-Bakal imigran/Sin Kheh diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal/agen buruh  
Perjanjian-Sin Kheh membuat perjanjian secara lisan/bertulis untuk menjelaskan hutang mereka  
Tempoh-Sin Kheh akan bekerja dengan majikan bagi tempoh tertentu  
Tiket-Sin Kheh dibekalkan dengan tiket yang menunjukkan pelabuhan yang mereka akan tuju  
Keterangan-Sin Kheh akan mendapat keterangan samada mereka berhutang atau tidak  
Pemborong-Setelah tiba di pelabuhan, Sin Kheh akan dibawa oleh pemborong buruh untuk diserahkan kepada majikan

### **Sistem Pengambilan Kakitangan**

Hantar-Majikan di Tanah Melayu menghantar pegawainya ke China untuk mendapatkan tenaga buruh.  
Tambang-Segala tambang dan pembelanjaan buruh dibiayai majikan  
Iring-Pegawai yang ditugaskan bertanggungjawab mengiringi buruh sehingga sampai di tempat majikan

### **Sistem Pengambilan Rumah Kongsi**

Pegawai-Pengambilan buruh dilakukan pegawai di negara China yang dilantik oleh sebuah kongsi rumah  
Biayai-Pegawai tersebut akan membiayai segala perbelanjaan buruh sehingga mereka sampai di rumah kongsi  
Serah-Buruh diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi  
Bayar-Pembawa buruh dibayar dengan kadar tertentu

### **Pengambilan secara berkumpulan tajaan Charles Brooke di Sarawak**

Tajaan-Imigran China berketurunan Foo Chow dibawa masuk tajaan Charles Brooke melalui

## **Answer**

syarikatnya yang beribu pejabat di Singapura  
Kumpulan-Imigran tersebut dibawa masuk  
secara berkumpulan atas persetujuan ketua Foo  
Chow dengan Charles Brooke  
Gambir-Imigran ini dibawa masuk untuk  
mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam  
(*Halaman 253-254*)